



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 7 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERSIDANGAN DAN PAMERAN COCOTECH ANTARABNAGSA KE-50 DIADAKAN 7 HINGGA 10 NOVEMBER INI, BERITA RTM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	100 PESAWAH RUGI HAMPIR RM200,000, DALAM NEGERI, UM -34	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
3.	HARGA IKAN KEMBUNG TERUS MELAMBUNG, DALAM NEGERI, UM -34	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
4.	HARGA IKAN KEMBUNG DIJANGKA TERUS NAIK, NEGARA, KOSMO -16	
5.	PENIAGA IKAN TERMENUNG, PELANGGAN TIDAK ADA DUIT, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN
6.	BEKALAN TELUR AYAM TERUS BERKURANGAN, NASIONAL, BH -14	
7.	KERAJAAN KELUARGA MALAYSIA TINGKAT SEKURITI MAKANAN, K2, KOSMO -22	
8.	MENYELAM 9 METER KUTIP TIRAM, LOKAL, HM -21	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2022	BERITA RTM	ONLINE	

Persidangan dan Pameran COCOTECH Antarabangsa ke-50 diadakan 7 hingga 10 November ini



(Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid ditemu bual Berita RTM selepas menjadi tetamu program Selamat Pagi Malaysia (SPM) di Angkasapuri, hari ini)

KUALA LUMPUR, 6 November - Persidangan teknikal terbesar peringkat antarabangsa khusus mengenai pembangunan industri kelapa akan diadakan pada 7 hingga 10 November ini bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Persidangan dan Pameran COCOTECH Antarabangsa ke-50 tahun 2022 itu mengenengahkan hasil kajian berkaitan teknologi dan inovasi industri kelapa dari seluruh dunia serta pameran produk dan teknologi berkaitan kelapa terutama bagi produk hulu dan hiliran.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid berkata program itu bakal memberi manfaat kepada pemain industri kelapa untuk meneroka potensi dagangan import dan eksport komoditi tersebut.



(Foto MAFI)

"Malaysia merupakan antara negara ahli dalam International Coconut Committee (ICC), jadi persidangan ini merupakan bersama dengan ahli ICC, kita ada lebih kurang 20 negara pengeluar kelapa yang akan bersama kita di Kuala Lumpur dan pada masa sama kita mengadakan pameran, pameran ini terbuka kepada awam, sangat-sangat menarik, pameran ini akan mengenengahkan pelbagai inisiatif daripada negara pengeluar kelapa termasuk Malaysia, pameran yang mana kita dapat info, maklumat," kata beliau ketika ditemu bual Berita RTM selepas menjadi tetamu program Selamat Pagi Malaysia (SPM) di Angkasapuri, di sini hari ini.

Tambah Haslina, sebanyak 40 reruai dibuka dengan mempamerkan demonstrasi penggunaan peralatan dan mesin yang terkini berkaitan pemprosesan kelapa dan uji rasa pelbagai produk Industri Asas Tani (IAT) berasaskan kelapa.

7/11/2022

UTUSAN

DALAM

34

MALAYSIA

NEGERI

100 pesawah rugi hampir RM200,000

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
utusannews@mediamula.com.my

ARAU: Lebih 100 orang pesawah di sini runsing apabila tanaman padi yang ditanamkan terjejas disebabkan projek pembinaan jalan pintasan di Kampung Bakong di sini yang menyebabkan air sungai melimpah masuk.

Tanaman padi pesawah terlibat yang dikatakan terjejas itu adalah melibat kawasan seluas 700 relung (201.44 hektar) dengan nilai kerugian benih padi berjumlah RM196,000.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Suhaimi Saleh, 44, berkata, sebelum

projek pembinaan jalan pintasan itu bermula pada Mac lalu, penduduk tidak menghadapi sebarang masalah walaupun hujan lebat berterusan di kawasan itu.

"Tetapi selepas projek ini bermula, tanaman padi kami sering kali terjejas jika hujan dalam tempoh satu jam di mana air di Sungai Gial akan melimpah dan menjejaskan tanaman kami.

"Untuk tahun ini sahaja, sudah lima kali pesawah terpaksa menabur benih padi apabila air hujan melimpah masuk ke petak tanaman," katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi pesawah, Ismail Rahim, 60, berkata, aliran air di Sungai Gial

turut terganggu apabila tidak pernah diselenggara dan ditumbuhi pokok-pokok liar yang menyebabkan limpahan ke tanaman padi sewaktu hujan lebat.

Katanya, pesawah juga telah beberapa kali membawa permasalahan itu kepada Jabatan Kerajaan Raya (JKR) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk tindakan selanjutnya namun masih tiada maklum balas positif sehingga kini.

"Kami hanya mahu menuntut ganti rugi memandangkan sudah beberapa kali terpaksa menabur semula benih disebabkan limpahan air masuk ke dalam sawah," katanya.



MOHD. SHAMIL ZULKIFLI menunjukkan saiz ikan kembung yang berharga RM15 sekilogram yang dijual di pasar pagi Tikam Batu, Sungai Petani, Kedah. - **UTUSAN/NUR SYAZWANA MANSOR**

Harga ikan kembung terus melambung

SUNGAIPETANI: Harga ikan kembung di daerah Kuala Muda dijangka melonjak sehingga mencecah RM18 sekilogram (kg) berikutan kekurangan bekalan akibat keadaan cuaca tidak menentu sejak bulan lalu.

Tinjauan di sekitar pasar pagi Tikam Batu di sini, mendapati masih terdapat bekalan ikan kembung segar bersaiz kecil iaitu gred B dan C yang dijual dengan harga sekitar RM15 hingga RM16 sekilogram.

Peniaga yang juga pemilik Jon Ikan di Tikam Batu, Mohd. Shamil Zulkifli, 27, berkata, secara purata bekalan ikan kembung segar yang diperolehnya turun sebanyak 40 peratus sejak awal bulan ini.

Katanya, selain ikan kembung, hasil laut lain yang turut mengalami peningkatan harga adalah ikan jenahak.

"Harga ikan jenahak hari ini naik dari RM38 kepada RM40 sekilogram. Namun bekalan sotong meningkat sekali gus mengalami penurunan harga daripada RM94 kepada sehingga RM29 sekilogram," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Pengerusi Peratuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, cuaca di sekitar kawasan pantai barat dijangka kembali pulih dalam masa dua hingga tiga minggu lagi dan nelayan akan dapat kembali ke laut seperti biasa.



PESAWAH di Kampung Bakong melihat sistem saliran di Sungai Gial, Arau. Perlis yang terganggu disebabkan oleh pembinaan jalan pintasan sejak Mac lalu. - **UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD**



KEKURANGAN bekalan ikan kembung menyebabkan pelanggan terpaksa memilih ikan lain di Kuala Muda, Sungai Petani semalam.

Harga ikan kembung dijangka terus naik

Oleh NUR SYAZWANA MANSOR

SUNGAI PETANI - Harga ikan kembung di daerah Kuala Muda dijangka melonjak sehingga RM18 sekilogram (kg) berikutan kekurangan bekalan hasil laut itu disebabkan keadaan cuaca tidak menentu sejak bulan lalu.

Tinjauan di sekitar pasar pagi di Tikam Batu, dekat sini mendapati, masih terdapat bekalan ikan kembung segar bersaiz kecil iaitu gred B dan C yang dijual pada harga antara RM15 hingga RM16 sekilogram.

Peniaga yang juga pemilik premis Jon Ikan di Tikam Batu, Mohd. Shamil Zulkifli, 27, berkata,

secara purata, bekalan ikan kembung segar diperolehnya turun 40 peratus sejak awal bulan ini.

Katanya, selain kembung, hasil laut lain yang turut mengalami peningkatan harga ialah ikan jenahak.

"Harga jenahak naik dari RM38 kepada RM40 sekilogram," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, pihaknya menjangkakan cuaca di Pantai Barat akan kembali pulih dalam dua hingga tiga minggu lagi dan nelayan akan dapat kembali ke laut seperti biasa.

Katanya, nelayan pantai teru-

tamanya, berdepan masalah pengurangan hasil ikan susulan musim peralihan monsun itu.

"Sebelum ini, nelayan pantai boleh dapat hasil hingga satu tan ikan sehari termasuk kembung.

"Ada antara nelayan kini yang peroleh hasil sekitar 20 hingga 30 kilogram sahaja. Mereka terpaksa juga mengira kos operasi. Disebabkan itu, harga ikan meningkat pada masa ini," katanya.

Jelasnya, Nekmat masih mempunyai stok ikan sejuk beku kira-kira 100 tan.

"Stok ikan sejuk beku di bawah program Q'Fish dijual pada harga RM10 sekilogram bagi ikan selar, kembung dan selayang," ujarnya.

Peniaga ikan termenung, pelanggan tidak ada duit



SULAIMAN memeriksa bekalan ikan digerainya sambil menanti pelanggan di Pasar Awam Bachang, Melaka semalam.

MELAKA - Peniaga ikan di Pasar Awam di Bachang di sini resah apabila bekalan hasil laut yang diambil tidak terjual dipercayai akibat kuasa membeli pelanggan semakin rendah.

Menurut seorang peniaga, Jalal Hassan, 50, hasil jualanannya merosot sebanyak 90 peratus dengan ikan-ikan bersaiz besar seperti parang tenggiri dan siakap sukar dijual terutamanya pada hari biasa.

"Orang (pelanggan) sekarang memang tak ada duit, mereka tak lagi mampu membeli ikan-ikan besar. Malah, ikan kembung segar yang dijual pada harga RM13 sekilogram juga dikatakan mahal.

"Memang susah nak laku (ikan) lagi-lagi hari biasa (Isnin sehingga Jumaat), kami cuma harap kehadiran pelanggan pada hari minggu sahaja," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Ujarnya, ikan parang yang dijual pada harga RM24 sehingga RM25 sekilogram, manakala ikan kecil seperti selar RM8 sekilogram.

Rakannya, Sulaiman Manan, 56, pula berkata, situasi itu turut dipercayai berlaku disebabkan harga ikan sejuk beku lebih murah ditawarkan di pasar raya.

"Dahulu, tak banyak pasar

raya, sekarang semua jenis ikan mereka jual pada harga murah kerana ia produk sejuk beku.

"Ikan dijual di sini adalah segar, tetapi pelanggan tak ada duit nak beli. Harga ikan bukan naik mendadak mahal, cuma memang ekonomi sekarang tidak berapa baik," katanya.

Seorang lagi peniaga, Ismail Hassan, 61, berkata, dia tidak lagi mengambil bekalan baharu daripada pembekal susulan jualan ikannya masih berbaki.

"Hari ni saya jual ikan semalam sahaja, tak berani nak ambil bekalan takut tak laku," katanya.

Bekalan telur ayam terus berkurangan

Pemborong terpaksa hadkan jualan kepada peruncit sejak dua bulan lalu

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Peniaga masih lagi berdepan masalah kekurangan bekalan telur ayam, selain bekalan yang diperolehi juga terpaksa dihadkan pemborong sejak dua bulan lalu.

Tinjauan di sekitar pasar dan kedai runcit di Pengkalan Chepa mendapati bekalan telur masih ada, namun bekalan yang diperolehi daripada pemborong terpaksa

sa dihadkan kepada peniaga di kedai runcit mahupun borong. Peniaga kedai runcit, Mohd Yusof Yahaya, 54, berkata sejak lebih dua bulan lalu dia menerima bekalan telur seperti biasa yang dihantar pemborong di Pasir Pekan setiap dua kali seminggu.

"Bagaimanapun, jumlah telur yang diterima adalah sangat terhad jika hendak dibandingkan dengan sebelum ini, di mana kini saya hanya menerima 20 papan setiap kali penghantaran dan ia tidak mencukupi bagi menampung permintaan pelanggan."

"Kebiasaannya 20 papan telur yang diperolehi daripada pemborong akan habis dijual dalam tempoh dua hari sahaja dan untuk menampung keperluan, pemborong terpaksa menunggu bekalan seterusnya yang dihantar ke kedai."

"Saya terpaksa menunggu

pemborong menghantar bekalan telur ke kedai kerana jika saya sendiri yang pergi membelinya mereka akan memberi alasan telur sudah habis atau bekalan yang diperolehi dikurangkan berbanding mereka sendiri menghantarnya ke kedai," katanya ketika ditemui di Pengkalan Chepa, di sini, semalam.

Harga jualan meningkat

Sementara itu, tinjauan di pasar sama juga mendapati harga ikan meningkat naik antara RM2 hingga RM4 bagi sekilogram ikan bertukutan keadaan cuaca yang tidak menentu pada ketika ini.

Peniaga ikan, Rosni Shamsudin, 46, berkata ikan tenggiri yang dijual dengan harga RM36 sekilogram sebelum ini kini dijual RM38 sekilogram dan ikan selar yang dijual RM20 sekilogram sebelum ini kini dijual



Mohd Yusof menyusun telur yang dihantar oleh pembekal di kedainya di Pengkalan Chepa, semalam. (Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)

memenuhi permintaan pelanggan saya memperoleh bekalan ikan daripada pemborong di Tok Bali di Pasir Puteh, selain di Kuantan, Kedah dan juga Perak.

"Buat masa ini, keadaan masih lagi terkawal dan bekalan diperolehi seperti biasa, namun saya bimbang apabila memasuki bulan Disember bekalan ikan sukar diperolehi sehingga terpaksa menjual ikan kotak," katanya.

"Peralihan Monsun Timur Laut sedikit-sebanyak menjejaskan pengeluaran bekalan ikan disebabkan nelayan tidak dapat keluar ke laut menangkap ikan."

"Selain itu, harga beberapa jenis ikan juga menunjukkan sedikit kenaikan sejak awal bulan ini berikutan kekurangan bekalan disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu dan bagi

Kerajaan Keluarga Malaysia tingkat sekuriti makanan



Varia

Oleh
**MUHAMMAD
ZHARIF LUQMAN
HASHIM**

SEJAK Januari 2022, peningkatan harga yang diukur berdasarkan pertumbuhan Indeks Harga Pengguna (CPI) bagi makanan dan minuman mengatasi harga keseluruhan barangan dalam ekonomi.

Data menunjukkan peningkatan harga makanan dan minuman pada Jun 2022 adalah yang tertinggi sejak 2015. Peningkatan harga itu memberi kesan besar kepada isi rumah kerana mereka memperuntukkan sekitar 29.5 peratus daripada perbelanjaan mereka ke atas makanan dan minuman.

Isu peningkatan harga makanan yang melanda Malaysia pada ketika ini adalah isu global. Sebagai sebuah negara kecil yang terbuka dan berdagang, Malaysia tidak boleh mengelak daripada menerima kesan ke atas gelagat negara-negara yang menjadi pembekal utama bahan mentah sektor pertanian dan industri makanan.

Malaysia bergantung kepada import makanan dan bahan mentah seperti makanan ayam daripada negara luar. Negara-negara pengekspor ini telah mengalami gangguan pengeluaran akibat pandemik Covid-19, ketidakpastian cuaca dan keadaan geopolitik.

India utamanya telah menghadkan eksport gandum kerana faktor cuaca yang menghadkan pengeluaran. Peperangan Rusia-Ukraine juga memberi kesan langsung kepada negara-negara yang berdagang dengan Malaysia seperti Eropah.

Dengan keadaan tersebut, Malaysia juga akan terkesan secara tidak langsung.

Apakah kesan inflasi ini kepada rakyat? Selain daripada kuasa membeli rakyat semakin berkurangan akibat kenaikan tingkat pendapatan lebih rendah berbanding kenaikan harga barangan, tekanan kepada sekuriti makanan turut menjadi perkara yang perlu diberi perhatian.

Mengapa sekuriti makanan penting kepada rakyat? Sekuriti makanan bermaksud makanan yang dibekalkan dalam pasaran domestik mencukupi untuk keperluan rakyat, mudah diperolehi dan bekalan berterusan serta stabil.

Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah menjalankan pelbagai strategi mengurangkan tekanan kos hidup dan memastikan sekuriti makanan menjadi agenda utama menjaga kebajikan rakyat.

Secara spesifiknya, kerajaan telah merangka strategi jangka masa pendek,



KERAJAAN telah melaksanakan pelbagai strategi bagi mengurangkan kos sara hidup masyarakat ekoran peningkatan harga barang makanan. — GAMBAR HIASAN

Sekuriti makanan bermaksud makanan yang dibekalkan dalam pasaran domestik mencukupi untuk keperluan rakyat, mudah diperolehi serta bekalan berterusan dan stabil."

antaranya menyediakan pemberian subsidi langsung kepada pengeluar bagi menstabilkan harga makanan di pasaran serta mengimbangi kos pengeluaran makanan.

Sebagai contoh, harga ayam runcit di pasaran adalah pada RM9.40 sekilogram, manakala harga minyak masak (botol) runcit pula pada RM7.10 sekilogram.

Kerajaan juga masih memberi subsidi bahan api bagi mengawal inflasi makanan dan barangan lain dalam ekonomi. Perkara ini susulan daripada timbulnya trend peningkatan harga minyak mentah yang meningkat daripada AS\$84.1 setong pada Januari 2022 hingga mencecah AS\$114.7 setong pada Jun 2022.

Perkara ini turut menyumbang kepada perbelanjaan subsidi terbesar dalam sejarah iaitu jangkaan subsidi hampir sebanyak RM80 bilion bagi tahun 2022.

Jika subsidi bahan api dikurangkan, ia akan meningkatkan harga bahan api, sekali gus memberi impak berganda kepada inflasi makanan dan keseluruhan barangan.

Malaysia juga dilihat bakal bekerjasama dengan kerajaan Turkiye dalam

memperkasakan sekuriti makanan.

Perjumpaan Perdana Menteri bersama Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan telah mencapai kata sepakat bagi memastikan rantai bekalan makanan sentiasa mencukupi dan stabil.

Ini membuktikan komitmen dan usaha proaktif kerajaan dalam menstabilkan bekalan makanan di Malaysia dengan adanya Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turkiye.

Malaysia juga akan bekerjasama dengan Turkiye untuk memperkukuhkan beberapa aspek sokongan dalam sektor makanan.

Setelah sekian lama diperjuangkan pakar, akhirnya strategi mengubah struktur pengeluaran sektor pertanian dan makanan telah diambil kira oleh kerajaan.

Strategi ini bersifat jangka panjang kerana ia memakan masa lebih lama untuk melihat keberkesanannya.

Merujuk kepada dokumen Rancangan Malaysia Ke-12, kerajaan telah mengusulkan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025. Pelan tersebut telah berjaya direalisasikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dengan menumpukan lima teras, 15 strategi dan 96 inisiatif dalam memastikan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi krisis sekuriti makanan dan situasi luar jangka.

Kerajaan juga telah menghapuskan sistem permit import (AP) yang akan memberi peluang lebih ramai pembekal untuk mengimport makanan dan bahan mentah. Ini akan menjadikan sektor pertanian lebih kompetitif dan berdaya saing, seterusnya akan menstabilkan

harga pada masa depan.

Satu inovasi baharu tadbir urus juga telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan isu sekuriti makanan turut diteliti secara proaktif yang didasari pelbagai peringkat pentadbiran.

Penubuhan Jawatankuasa Sekuriti Makanan Peringkat Negeri dan Daerah telah dipersetujui bagi memastikan Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 dapat dilaksanakan sebaiknya.

Sekuriti makanan juga memerlukan pelaburan berskala besar supaya kapasiti pengeluaran makanan negara dapat ditingkatkan.

Kerajaan Malaysia telah membuat satu rundingan bersama kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) untuk menawarkan pelaburan berbalik dalam sektor pertanian, sekali gus membantu UAE menjadi hab makanan di Asia Barat.

Malah, pengeluar tenusu Qatar menerusi Syarikat Baladna telah membuat pelaburan sejumlah RM4.5 bilion dalam sektor penternakan yang bakal menjadikan Malaysia-pengeluar tenusu terbesar di Asia Tenggara.

Hal ini membuktikan bahawa kerajaan Malaysia sedang bergerak secara proaktif bagi memastikan sekuriti makanan negara berada pada tahap terbaik.

Strategi dilaksanakan bukan sahaja melangkaui perancangan, tetapi dibuktikan dalam bentuk tindakan yang boleh memberikan manfaat kepada Keluarga Malaysia.

MUHAMMAD ZHARIF LUQMAN HASHIM ialah Ahli Ekonomi Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA)

Menyelam 9 meter kutip tiram

Nelayan guna kaedah tradisional selam tanpa alat pernafasan tuai hasil dari dasar Sungai Muar

Muar

Apabila melangkah ke daerah ini pastinya pengunjung akan menjajaki keunikan tersendiri yang terdapat di Bandar Maharani Bandar Diraja itu termasuk mi bandung, sate, asam pedas dan hidangan hasil laut seperti tiram.

Tiram yang terdapat di Sungai Muar dipercayai sebagai antara berkualiti tinggi di dunia, dan nelayan yang 'menuai' hasil di dasar sungai itu masih menggunakan kaedah dan teknik tradisional iaitu menyelam tanpa sebarang peralatan pernafasan.

Seorang penyelam tiram, Zainal Yahya, 68, berkata aktiviti menyelam dan mengutip tiram di Sungai Muar dekat Pangkalan Tiram, kira-kira dua kilometer dari Bandar Muar, telah mula dilakukan para nelayan sekitar tahun 1858.

Generasi ketiga selam tiram itu berkata pada tahun 1908, Allahyarham datuknya Yep Pantas mula menjadikan aktiviti menyelam dan mengutip tiram di dasar sungai sedalam antara enam dan sembilan meter sebagai punca utama pendapatan bagi menanggung keluarga.

"Ketika kanak-kanak, saya kagum melihat bapa melakukan aktiviti mencabar ini dengan menahan nafas, mera-ba menggunakan tangan kosong kerana tahap penglihatan sangat terhad berikutan dasar sungai yang berlumpur, dan saya mencabar diri akan melakukan perkara sama suatu hari nanti," katanya ketika ditemui Bernama di Pangkalan Tiram di sini.



ZAINAL mengopek tiram untuk dijual kepada pembeli di Pangkalan Tiram, Sungai Muar.

Di samping itu, menurut Zainal, ketika berumur 12 tahun dia mula mengikut bapanya, Allahyarham Yahya Yep ke sungai selain diajar menyelam dengan menahan nafas antara satu hingga dua minit di dasar sungai semasa air surut, dan kini kaedah sama juga telah diajarkan kepada anak lelakinya, Azmi Zainal, 36, yang turut berminat melakukan aktiviti itu.

Katanya, kayu lenggadai



sepanjang 10 meter digunakan untuk aktiviti berkenaan dengan memacakkannya ke dasar sungai di sebelah perahu dan penyelam akan turun menyelam mengikut kayu itu, dan mengambil tiram di dasar sungai menggunakan tangan, manakala kaki kekal berpaut pada kayu bagi mengelak daripada dihayutkan arus.

"Saya akan meneruskan legasi menyelam tiram ini selagi ada hayat kerana ia adalah aktiviti dari generasi ke generasi dengan menggunakan teknik unik. Suatu ketika dahulu terdapat hampir 50 penyelam tiram di Pangkalan Tiram namun kini hanya tinggal lapan orang yang aktif berusia antara 24

dan 69 tahun.

"Menjadi penyelam tiram bukan sesuatu yang mudah kerana setiap penyelam memerlukan banyak tenaga untuk bertahan mengutip tiram di dasar sungai. Kadangkala tekanan dan arus kuat boleh menyebabkan telinga atau hidung berdarah dan inilah antara cabarannya," katanya.

Selain itu, katanya, penyelam tiram juga terpaksa berdepan dengan hidupan berbisa seperti obor-obor dan sengatan ikan berduri selain cengkerang tiram dan kupang di dasar sungai yang boleh melukakan jika terpijak.

Zainal berkata terdapat dua jenis tiram yang ditemui di Sungai Muar iaitu isi yang berwarna kelabu coklat, dan putih krim dengan memiliki rasa yang enak selain mendapat permintaan yang tinggi termasuk individu, restoran, hotel dan dieksport ke Singapura.

"Pengalaman yang tidak saya lupakan adalah terpih untuk mencari tiram di Sungai Muar di belakang Istana Hinggap Muar, Jalan Petri bagi hidangan santapan golongan diraja sekitar tahun 1967, saya teruja, seronok dan dianggarkan enam kilogram tiram siap dikepek kulit telah dihantar ke istana berkenaan," katanya sambil menambah isi tiram segar ketika ini dijual dengan harga sekitar RM30 sekilogram.

Laporan itu dipetik memaklumkan spesies baharu itu dikenali sebagai tiram putih atau tiram premium dalam kalangan penduduk dan nelayan tempatan kerana isinya yang berwarna putih krim dan berkualiti tinggi.



ZAINI Mohd Noh, 53, antara penyelam tiram veteran menunjukkan hasil kutipan tiram dengan rumpa menggunakan sebarang alat bantuan pernafasan.



TIRAM yang terdapat di Sungai Muar dipercayai antara berkualiti tinggi di dunia.